

04 APR 2000

Najib-Pilihan raya

KAWAL PERLAKUAN EKSTRIM DALAM PILIHAN RAYA, KATA NAJIB

KUCHING, 4 April (Bernama) -- Tindakan ekstrim penyokong parti politik yang bertanding dalam pilihan raya perlu dikawal, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Tingkah laku yang ekstrim ini jika tidak dikawal boleh mencetuskan pergaduhan dan pertumpahan darah antara penyokong parti, katanya.

"Umno akan menjalankan kajian terperinci mengenai pelaksanaan proses kempen dan hari mengundi.

"Jika terdapat kelemahan pada undang-undang sedia ada kita akan meminda undang-undang bagi memastikan pilihan raya lebih sempurna pada masa depan," katanya pada persidangan media di sini ketika diminta mengulas cadangan untuk meminda Akta Pilihan Raya 1955.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam berkata Akta Pilihan Raya mungkin dipinda untuk memastikan penyokong parti tidak bertindak keterlaluan ketika berkempen.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata tindakan penyokong Parti PAS dalam pilihan raya kecil Sanggang seperti berkempen melampaui had waktu dan menghalang lalu lintas adalah keterlaluan.

"Sepatutnya dalam amalan demokrasi semua orang dapat menjalankan hak masing-masing sebagai pengundi tanpa diganggu gugat oleh perasaan takut atau diancam oleh sesiapa pun.

"Keadaan di Sanggang bukanlah suasana yang perlu wujud hasil daripada amalan demokrasi," katanya selepas majlis pemakaian Pangkat Kolonel (Kehormat) kepada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud oleh beliau.

Jika aspek penguatkuasaan agak lemah pada waktu pilihan raya maka, Umno akan mencadangkan agar pekara itu diberi perhatian yang lebih serius pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

MT PR